

Anggota polis dipenjara lima tahun dan dua minggu, satu sebatan



DIHUKUM: Tertuduh (hadapan, kanan) keluar dari bilik tahanan Mahkamah Kuching petang semalam.

KUCHING: Padah gagal hadir bertugas selama lima bulan berturut-berturut dan memiliki sebilah parang tanpa alasan munasabah, seorang anggota polis berpangkat konstabel dijatuhi hukuman penjara lima tahun dan dua minggu berserta satu sebatan oleh dua mahkamah berasingan di sini, semalam.

Bagi kes pertama, Mohd Hastree Mohamad, 36, mengaku bersalah di hadapan Majistret Nursyaheeqa Nazwa Radzali sebaik didakwa mengikut Seksyen 86 Akta Polis

1967 dan boleh dihukum di bawah akta sama.

Seksyen berkenaan memperuntukkan hukuman penjara maksimum 12 bulan, jika sabit kesalahan.

Nursyaheeqa memerintahkan tertuduh untuk dipenjara dua minggu berkuat kuasa semalam.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa tidak hadir bertugas dari 14 Mei 2025 hingga 29 September 2025 tanpa sebarang alasan munasabah dan dituduh melakukan kesalahan itu di

Pejabat Kem Komandan, Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Sarawak.

Fakta kes mendedahkan seorang pegawai polis melakukan pemeriksaan di pejabat tersebut pada Jun lalu dan mendapati tertuduh tidak hadir tugas menjaga bilik mesyuarat IPK Sarawak selama 15 hari berturut-turut.

Susulan itu, polis bertindak menahan tertuduh ketika dia berada di dalam sebuah kenderaan pada 29 September

2025 untuk tindakan lanjut.

Hasil siasatan mendapati tertuduh tidak berminat serta tidak menunjukkan sikap positif dalam kerjaya pasukan polis.

Dalam pada itu, ketika tangkapan dibuat terhadap tertuduh pada 29 September 2025 sekitar jam 1.30 petang di Jalan Wan Abdul Rahman di sini, polis turut menemui sebilah parang di tempat duduk belakang kenderaan dinaiki tertuduh.

Anggota polis dipenjara lima tahun dan dua minggu, satu sebatan

► Dari Muka 1

Siasatan lanjut mendapati tertuduh gagal menjelaskan kepada polis sebab munasabah dia memiliki parang tersebut.

Untuk itu, tertuduh turut didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam mengikut Seksyen 6(1) Akta Bahan-Bahan Kakisan dan

Letupan dan Senjata Berbahaya 1958 kerana memiliki senjata berbahaya tanpa kebenaran sah.

Mengikut kesalahan ini, tertuduh boleh dikenakan hukuman penjara tidak kurang daripada lima tahun dan tidak melebihi 10 tahun serta sebat jika sabit kesalahan.

Tertuduh mengaku bersalah di hadapan Hakim Iris

Awen Jon yang kemudian menjatuhkan hukuman penjara lima tahun berkuat kuasa semalam berserta satu sebatan terhadap tertuduh.

Pendakwaan dilakukan secara berasingan oleh Timbalan Pendakwa Raya (DPP) Aiman Mutalib Muhammad Shariff dan DPP Chuah Kai Sheng sementara tertuduh tidak diwakili peguam.